

06/09/1997

Kembali kepada maksud, tujuan Islam

ina Kamaludin; Bahari Arif; Md Zin Ali; Patimah Ramli  
KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata masalah yang dihadapi umat Islam pada masa ini disebabkan sikap mereka yang memberikan keutamaan kepada cara, bukan kepada maksud dan tujuan ajaran Islam sebenarnya.

Menurut Perdana Menteri, akibatnya negara kini menghadapi masalah peningkatan sikap tidak toleran terhadap sesiapa yang tidak mengutamakan cara dan rupa bentuk yang dikatakan Islam itu.

"Ada perkara yang sunat diwajibkan, manakala yang wajib ditingkat dan diperketatkan lagi dengan dakwaan bahawa sesiapa yang tidak melakukannya adalah tidak Islam dan murtad.

"Sehubungan itu, Umno perlu mempertahankan ajaran Islam yang sebenar sebelum malapetaka menimpa kita kerana jika dibiarkan, kita juga akan menjadi seperti negara Islam tertentu yang sudah lemah dan ditindas kuasa asing.

"Di Malaysia, golongan seperti ini sudah sampai kepada peringkat memfitnah dan menidakkan ke-Islaman orang lain," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno 1997 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau sedar apa yang diperkatakannya itu tidak akan disenangi orang ramai, termasuk ahli Umno, tetapi beliau terpaksa berbuat demikian kerana masalah itu kini sudah semakin serius.

"Kerana tekanan yang salah, kerana keutamaan kepada cara dan tidak kepada tujuan maka hari ini orang Islam bersengketa sesama sendiri, berpecah belah dan lemah.

"Musuh sebenarnya tidak dipedulikan. Kawan dan saudara seagama dikecam dan dijadikan musuh kerana dianggap kurang Islam," katanya dalam ucapan dasar presiden yang bertemakan 'Menebus Maruah Bangsa dan Agama'.

Seramai 1,905 anggota perwakilan daripada 165 bahagian Umno di seluruh negara menyertai perhimpunan selama tiga hari berakhir Ahad ini. Turut hadir ialah pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN), tokoh korporat dan duta-duta negara asing.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir turut menggariskan secara panjang lebar langkah yang perlu diambil umat Islam di negara ini bagi menebus kembali maruah bangsa dan agama.

Perdana Menteri berkata, agama Islam bukan agama ibadat 'ritual' yang perlu dilakukan tanpa mengambil kira tujuan sesuatu hukum kerana segala-gala yang disuruh oleh agama Islam mempunyai kaitan dengan kesejahteraan hidup umatnya.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata, orang Arab Jahiliah mencapai kemajuan luar biasa apabila mereka mula-mula memeluk agama Islam.

Bagaimanapun, apabila mereka semakin lama semakin kuat memberikan keutamaan kepada ibadat berbentuk 'ritual' dan apa yang dikaitkan dengan rupa bentuk Islam, mereka dengan mudah dikalahkan oleh musuh-musuh Islam.

"Semua ini bukan kerana ajaran Islam itu salah, tetapi kerana tekanan kita tertumpu kepada separuh saja daripada ajaran Islam iaitu kepada cara dan bukan kepada maksud dan tujuan ajaran Islam," katanya.

Bagi umat Islam di zaman ini pula, Perdana Menteri berkata penekanan terlalu kuat yang diberikan kepada simbol-simbol Islam seperti cara berpakaian, menyimpan janggut dan menutup aurat telah menyebabkan mereka kurang memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang lebih berat seperti persaudaraan dan pertahanan.

(END)